

# Kumpulan pertama kenal pasti

PETALING JAYA, Selasa – Malaysia akan menghantar kumpulan pertama ke Indonesia bagi mengenal pasti bidang kerjasama dan bantuan yang dapat mempercepat pemulihan ekonomi republik itu.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, kumpulan itu akan dihantar sebelum Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membuat lawatan ke Indonesia tidak lama lagi.

Semalam, Menteri Luar Indonesia, Alwi Shihab, menyampaikan sendiri jemputan Presidennya, Abdurrahman Wahid, ke-

pada Dr Mahathir di Jabatan Perdana Menteri.

“Selepas kumpulan itu membawa pulang maklumat dari Indonesia, saya akan bantangkannya kepada Kabinet dan menyerahkan kertas cadangan kami kepada Perdana Menteri,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan simposium antarabangsa mengenai perniagaan Malaysia dalam era baru, di sini hari ini.

Syed Hamid berkata, Perdana Menteri mengarahkan beliau supaya membuat persiapan bagi lawatan itu dan tarikhnya

bergantung kepada kesesuaian masa kedua-dua pihak.

Indonesia mengemukakan beberapa perkara yang perlu dinilai termasuk pembiayaan khas luar negara bagi mempercepat pemulihan ekonomi republik itu.

“Kita tidak boleh mengharapkan bantuan dan pelaburan dari negara di luar rantau ini saja. Kita sesama kita, perlu mempunyai keyakinan antara satu sama lain kerana ia akan menjadi satu tarikan kepada negara asing untuk melabur di sini,” katanya.

## bidang kerjasama

Syed Hamid berkata, apa yang lebih penting adalah mewujudkan perkongsian antara Malaysia dengan Indonesia, bukannya untuk menguasai atau mengambil kesempatan dengan keadaan di republik itu.

Beliau berkata, Dr Mahathir sudah memaklumkan kepada Indonesia yang beliau akan membawa bersama beberapa wakil dari sektor swasta di negara ini dalam lawatannya nanti.

Mengenai pelaburan dalam bidang pendidikan Australia di negara ini, Syed Hamid berkata, Malaysia tetap menganggap

Australia sebagai pusat pendidikan yang penting.

“Tak ada masalah sekiranya mereka (Australia) berminat datang ke sini untuk mewujudkan pelaburan dalam bidang pendidikan, tetapi hendaklah dalam lingkungan keperluan Malaysia,” katanya.

Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Malaysia yang baru dilantik dua minggu lalu, Peter Varghese, bercadang mewujudkan hubungan baik dua hala dan menjadikan pendidikan sebagai salah satu keutamaannya.